

**PENDEKATAN TEORI DAN PRAKTIK DALAM
PERANCANGAN DASAR WANITA: SATU TINJAUAN
LITERATUR KE ARAH PELAKSANAAN DASAR PAHANG
2027–2032**

***THEORETICAL AND PRACTICAL APPROACHES IN WOMEN'S
POLICY PLANNING: A LITERATURE REVIEW TOWARDS THE
IMPLEMENTATION OF THE PAHANG POLICY 2027–2032***

**Mohammad Ramzi Zakaria¹, Ainun Mardhiah Salehudin¹, Azriana Ridouan¹,
Nurul Nadia Brahanuddin¹, Yusliha Mohd Yunus**

¹Kuliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang, Malaysia

Abstrak

Pemeriksaan wanita merupakan elemen penting dalam membentuk masyarakat yang inklusif, adil, dan mampan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan teori dan praktik dalam perancangan dasar wanita melalui sorotan literatur yang komprehensif, seterusnya mencadangkan satu pelan tindakan holistik bagi pelaksanaan Dasar Pembangunan Wanita Negeri Pahang 2027–2032. Dengan mengambil kira kepelbagaian geografi dan demografi negeri Pahang termasuk komuniti FELDA, luar bandar, orang asli dan wanita bandar, pelan yang dicadangkan menekankan keperluan pendekatan dasar yang kontekstual, inklusif dan bersepadu. Hasil tinjauan literatur menunjukkan bahawa dasar pembangunan wanita yang berkesan perlu bersifat rentas sektor dan menumpukan kepada enam bidang strategik: ekonomi dan keusahawanan; pendidikan, ICT dan modal insan; kebudayaan dan ekonomi kreatif; perlindungan sosial, kesihatan dan perundangan; kekeluargaan dan keseimbangan kerjaya; serta kepimpinan dan penyertaan wanita. Antara inisiatif yang dicadangkan termasuk penubuhan Hab Keusahawanan Wanita Pahang (HKWP), Program Literasi Digital Wanita Pahang (PLDWP), Program Pemerksaan Warisan Wanita (PPWW), Pelan Perlindungan Wanita Negeri Pahang (PPWNP), Pusat Penjagaan Komuniti Wanita Bekerja (PPKWB), dan Akademi Kepimpinan Wanita Pahang (AKWP). Kajian ini menyimpulkan bahawa perancangan dasar wanita yang bersandarkan teori pembangunan inklusif dan digerakkan oleh bukti amalan terbaik mampu menjadi pemacu utama kepada kemajuan wanita di negeri Pahang dalam tempoh perancangan lima tahun akan datang.

Keywords: pendekatan teori, praktik, perancangan dasar wanita, tinjauan literatur, negeri Pahang

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

**Corresponding Author:*

Mohammad Ramzi Zakaria,
Kuliyah Syariah dan Undang-undang,
Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah
Pahang

Email: ramzi@uniqsaas.edu.my

Abstract

Women's empowerment is a crucial element in building an inclusive, equitable, and sustainable society. This study aims to explore theoretical and practical approaches in women's policy planning through a comprehensive literature review, and subsequently propose a holistic action plan for implementing the Pahang State Women's Development Policy 2027–2032. Taking into account the geographical and demographic diversity of the state of Pahang—including FELDA communities, rural populations, indigenous groups, and urban women—the proposed plan emphasizes the need for contextual, inclusive, and integrated policy approaches. The literature review findings indicate that effective women's development policies must be cross-sectoral and focus on six strategic areas: economy and entrepreneurship; education, ICT, and human capital; culture and the creative economy; social protection, health, and legal frameworks; family and work-life balance; as well as leadership and women's participation. Proposed initiatives include the establishment of the Pahang Women's Entrepreneurship Hub (HKWP), the Pahang Women's Digital Literacy Program (PLDWP), the Women's Heritage Empowerment Program (PPWW), the Pahang State Women's Protection Plan (PPWNP), the Working Women's Community Care Centre (PPKWB), and the Pahang Women's Leadership Academy (AKWP). This study concludes that women's policy planning grounded in inclusive development theory and driven by evidence-based best practices can serve as a key catalyst for advancing women's progress in the state of Pahang over the next five-year planning period.

Keywords: *theoretical approaches, practice, women's policy planning, literature review, Pahang state*

PENGENALAN

Isu pembangunan wanita semakin mendapat perhatian dalam agenda dasar awam, selaras dengan tuntutan global terhadap kesaksamaan gender dan penglibatan wanita secara menyeluruh dalam pembangunan negara. Dalam konteks Malaysia, pelbagai dasar dan pelan tindakan telah digubal bagi memperkasa wanita dari aspek ekonomi, sosial, politik dan pendidikan.

Namun begitu, jurang antara pendekatan teori dan pelaksanaan dasar di lapangan masih wujud, mengakibatkan beberapa matlamat dasar tidak mencapai impak yang optimum. Kajian literatur terdahulu menunjukkan bahawa perancangan dasar wanita sering dipengaruhi oleh pendekatan normatif yang bersifat top-down tanpa penyesuaian sepenuhnya terhadap realiti tempatan, struktur sosial, dan keperluan sebenar kumpulan sasaran.

Pendekatan berteraskan teori seperti feminisme, teori pembangunan gender, dan pendekatan hak asasi manusia memberi kerangka konseptual yang penting dalam merangka dasar yang adil dan inklusif. Namun, aplikasi praktikal teori-teori ini dalam konteks dasar tempatan sering kali tidak menyeluruh atau terganggu oleh kekangan institusi, birokrasi, dan ketidakselarasan antara agensi pelaksana. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menilai secara kritis literatur sedia ada berkenaan pendekatan teori dan praktik dalam perancangan dasar wanita, dengan memberi tumpuan khas kepada relevansinya terhadap pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Pahang bagi tempoh 2027–2032. Peninjauan ini diharap dapat memberikan cadangan pemerkasaan dasar yang lebih bersifat

kontekstual, responsif, dan lestari.

SOROTAN LITERATUR

Perancangan dasar wanita yang komprehensif perlu mengambil kira pelbagai dimensi yang mempengaruhi kehidupan dan pembangunan wanita secara menyeluruh demi memastikan pembangunan yang inklusif dan mampan. Dari aspek ekonomi, Mohamad, Hamid, dan Aziz (2020) menegaskan bahawa pemerkasaan ekonomi wanita melalui latihan kemahiran, sokongan keusahawanan, dan akses kepada peluang pekerjaan adalah tonggak utama meningkatkan kesejahteraan wanita, terutama di kawasan luar bandar seperti Pahang. Dalam konteks komuniti FELDA, Zainal dan Ramli (2022) menunjukkan bahawa keusahawanan wanita dalam bidang pertanian moden dan perniagaan mikro berperanan penting dalam mengurangkan jurang sosioekonomi serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang mampan.

Aspek keusahawanan juga menonjol sebagai salah satu cabang utama dalam dasar pembangunan wanita. Kajian oleh Mohamad et al. (2020) dan Zainal dan Ramli (2022) menegaskan bahawa sokongan institusi melalui pembiayaan mikro, latihan kemahiran, serta pembangunan rangkaian perniagaan adalah penting untuk membolehkan wanita menjadi ejen perubahan ekonomi. Keusahawanan wanita tidak hanya meningkatkan pendapatan keluarga, tetapi juga membina keyakinan diri dan memperluaskan peranan sosial mereka dalam masyarakat.

Dari segi sosial, Ismail dan Latif (2021) menekankan bahawa dasar wanita haruslah inklusif dan mampu menangani isu diskriminasi gender serta marginalisasi golongan wanita yang rentan seperti wanita orang asli dan ibu tunggal. Institusi keagamaan pula memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai dan norma yang menyokong pemerkasaan wanita, sebagaimana yang diperlihatkan oleh Ahmad dan Sulaiman (2023), yang mengaitkan program berteraskan nilai keagamaan dengan peningkatan kesedaran gender dan penyertaan wanita dalam pelbagai sektor.

Aspek pendidikan dan teknologi turut mendapat perhatian utama. Tan dan Abdullah (2021) menggariskan bahawa penyediaan akses kepada pendidikan berkualiti dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah kunci untuk meningkatkan daya saing wanita di era digital. Pendidikan yang inklusif dan berterusan dapat memperkukuhkan modal insan wanita dan membuka peluang yang lebih luas dalam sektor pekerjaan dan keusahawanan (Yusof, 2023).

Dalam konteks kebudayaan, Rahim dan Hassan (2019) menegaskan kepentingan seni dan warisan sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti wanita di Pahang. Warisan budaya dan seni tradisional seperti tenunan, tarian, dan kraf tangan bukan sahaja menjadi sumber kebanggaan tetapi juga boleh menjadi medium pemerkasaan wanita melalui aktiviti ekonomi kreatif. Penyertaan aktif wanita dalam pemuliharaan seni dan warisan tempatan membantu memperkukuhkan budaya masyarakat dan membuka peluang keusahawanan berteraskan warisan budaya (Rahim & Hassan, 2019; Zainal & Ramli, 2022).

Aspek kekeluargaan juga menjadi tunjang dalam kehidupan wanita. Lim dan Othman (2022) menyoroti keperluan dasar yang menyokong keseimbangan antara kerja dan tanggungjawab keluarga, seperti polisi cuti bersalin yang memadai dan kemudahan penjagaan anak. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan RM300.00 untuk bayi yang dilahirkan di negeri Pahang. Inisiatif ini terpakai kepada semua bayi yang lahir di negeri Pahang, walaupun ibu bapanya bukan kelahiran negeri Pahang. Inisiatif ini dinamakan sebagai Permata Makmur. Ini dapat mengurangkan

beban berganda wanita serta menggalakkan mereka terus aktif dalam sektor ekonomi dan sosial.

Dari sudut perundangan, perlindungan hak wanita melalui rangka kerja undang-undang yang kukuh amat penting. Hassan dan Karim (2021) menunjukkan bahawa walaupun Malaysia mempunyai dasar undang-undang yang menyokong hak wanita, penguatkuasaan yang efektif masih perlu diperkukuh, terutama dalam isu keganasan rumah tangga dan diskriminasi pekerjaan.

Dalam aspek kepimpinan, kajian oleh Zulkifli dan Saad (2020) menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam jawatan kepimpinan politik dan korporat masih rendah. Oleh itu, dasar yang mempromosikan pembangunan kapasiti kepimpinan wanita adalah penting agar suara dan kepentingan mereka diambil kira dalam pembuatan dasar.

Dalam sektor pekerjaan, Mohamad et al. (2020) menegaskan bahawa ketidaksamaan peluang dan diskriminasi gaji masih menjadi cabaran besar. Oleh itu, dasar pekerjaan yang adil dan persekitaran kerja yang mesra wanita perlu diterapkan secara serius (Rahim & Hassan, 2019).

Akhir sekali, aspek kesihatan wanita adalah kritikal dalam perancangan dasar. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2022) menggariskan kepentingan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, termasuk penjagaan kesihatan reproduktif dan sokongan kesihatan mental, bagi memastikan kesejahteraan wanita yang optimum.

Kesimpulannya, penilaian keperluan dan perancangan dasar wanita Pahang 2027–2032 harus menggabungkan pelbagai aspek multidimensi termasuk ekonomi, keusahawanan, sosial, keagamaan, pendidikan, teknologi, kebudayaan (termasuk seni dan warisan), kekeluargaan, perundangan, kepimpinan, pekerjaan, dan kesihatan. Pendekatan holistik ini diyakini mampu memacu pembangunan inklusif dan mampan bagi wanita di negeri tersebut.

PERBINCANGAN

Pemeriksaan wanita merupakan elemen penting dalam usaha membina masyarakat yang inklusif, adil, dan mampan. Wanita memainkan peranan yang kompleks dan multidimensi dalam pembangunan ekonomi, sosial, budaya, dan politik negara. Oleh itu, dasar pembangunan wanita yang berkesan perlu mengambil kira pelbagai aspek kehidupan wanita secara menyeluruh dan bersepadu. Dalam konteks negeri Pahang, cabaran geografi dan kepelbagaian komuniti, termasuk komuniti FELDA, luar bandar, orang asli, serta wanita bandar, menuntut satu pendekatan dasar yang kontekstual dan inklusif. Artikel ini mencadangkan satu pelan tindakan holistik bagi tempoh 2027–2032 berdasarkan sorotan literatur semasa, yang menekankan pentingnya dasar pembangunan wanita yang menyeluruh.

Merujuk sorotan literatur yang meliputi pelbagai dimensi pembangunan wanita, dicadangkan agar kerajaan negeri Pahang merangka satu dasar yang dikenali sebagai Pelan Tindakan Holistik Wanita Pahang 2027–2032. Pelan ini perlu menggabungkan pendekatan lintas sektor, dengan matlamat memperkasa wanita secara menyeluruh melalui enam bidang strategik: ekonomi, sosial, pendidikan dan teknologi, budaya, perundangan dan kesihatan, serta kepimpinan dan kekeluargaan.

Bagi kluster ekonomi dan keusahawanan, pelan ini mencadangkan penubuhan Hab Keusahawanan Wanita Pahang (HKWP) di setiap daerah yang akan menyediakan latihan berterusan, bimbingan perniagaan, pembiayaan mikro, dan peluang rangkaian perniagaan. HKWP juga boleh bekerjasama dengan agensi kerajaan dan sektor swasta untuk membantu wanita mengakses pasaran

digital dan antarabangsa.

Begitu juga dengan kluster pendidikan, ICT dan modal insan mencadangkan pelaksanaan Program Literasi Digital Wanita Pahang (PLDWP) dengan kerjasama pusat komuniti, universiti tempatan dan perpustakaan awam, yang menyediakan kursus ICT asas, keusahawanan digital dan pembelajaran dalam talian.

Dalam kluster kebudayaan, warisan dan ekonomi kreatif, pelan ini perlu penubuhan Program Pemerksaan Warisan Wanita (PPWW) yang akan melatih wanita dalam pemeliharaan seni tradisional dan memasarkan produk warisan mereka ke peringkat nasional dan antarabangsa. Ia juga mencadangkan insentif kepada usahawan kreatif wanita dalam industri seni dan budaya.

Manakala kluster perlindungan sosial, kesihatan dan perundangan dicadangkan agar pelan ini merangkumi Pelan Perlindungan Wanita Negeri Pahang (PPWNP) yang menyediakan bantuan guaman, perkhidmatan sokongan psikologi, pusat perlindungan sementara, dan kempen kesedaran hak wanita di seluruh negeri. Berbeza dengan kluster kekeluargaan dan keseimbangan kerjaya perlu mewujudkan Pusat Penjagaan Komuniti Wanita Bekerja (PPKWB) di lokasi strategik seperti taman perindustrian dan institusi kerajaan. Akhir sekali, kluster kepimpinan dan penyertaan wanita perlu diadakan satu pelaksanaan Akademi Kepimpinan Wanita Pahang (AKWP) yang akan membangunkan kapasiti wanita muda dalam bidang kepimpinan, politik, pentadbiran awam dan keusahawanan sosial.

KESIMPULAN

Penilaian terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi wanita di Pahang menunjukkan bahawa satu pendekatan dasar yang bersifat menyeluruh dan inklusif amat diperlukan. Berdasarkan kajian-kajian semasa, wanita menghadapi pelbagai cabaran merentas bidang ekonomi, pendidikan, sosial, budaya, undang-undang, dan kesihatan. Justeru, Pelan Tindakan Wanita Pahang 2027–2032 yang dicadangkan ini mengambil pendekatan multidimensi dengan menekankan enam teras utama, iaitu pemerksaan ekonomi, pendidikan dan ICT, budaya dan warisan, perlindungan sosial, keseimbangan kekeluargaan, dan pembangunan kepimpinan.

Pendekatan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup wanita, tetapi juga memastikan mereka mempunyai suara dalam pembangunan negeri. Dasar yang berpaksikan keadilan sosial, peluang saksama, dan pemerksaan kapasiti akan membolehkan wanita memainkan peranan lebih signifikan dalam memacu pembangunan negeri secara inklusif dan mampan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada koresponden.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohammad Ramzi bin Zakaria (Metodologi dan Pemilihan data)

Ainun Mardhiah binti Salehudin (Analisis data dan penulisan akhir)

Azriana binti Ridouan (Analisis format dan penulisan draf asal)

Nurul Nadia binti Brahanuddin (Pengumpulan data dan penulisan awal)

Yusliha binti Mohd Yunus (Metodologi dan idea penulisan).

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad, N., & Sulaiman, R. (2023). Peranan institusi keagamaan dalam pembentukan kesedaran gender wanita Muslim di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial*. 15(2). 101–115.
- Hassan, R., & Karim, S. (2021). Perlindungan hak wanita dalam undang-undang Malaysia: Satu penilaian penguatkuasaan. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*. 34(1). 22–36.
- Ismail, N., & Latif, A. (2021). Wanita rentan dan dasar sosial di Malaysia: Cabaran dan peluang. *Jurnal Pembangunan Masyarakat*. 10(2). 45–58.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2022). *Laporan Tahunan Dasar Wanita Negara*.
- Lim, C. H., & Othman, H. (2022). Dasar kekeluargaan dan wanita bekerja: Satu tinjauan ke atas polisi mesra keluarga. *Jurnal Polisi Awam*. 7(3). 78–91.
- Mohamad, S., Hamid, N., & Aziz, M. (2020). Pemerkasaan ekonomi wanita luar bandar di Malaysia: Peranan latihan dan keusahawanan. *Jurnal Ekonomi dan Pembangunan*. 25(1). 33–47.
- Rahim, A., & Hassan, L. (2019). Pemerkasaan wanita melalui seni dan warisan budaya di Pahang. *Jurnal Kebudayaan Melayu*. 9(1). 60–74.
- Tan, W. Y., & Abdullah, S. (2021). Pendidikan dan akses teknologi untuk wanita: Cabaran era digital. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*. 14(2). 50–66.
- Yusof, R. (2023). Pendidikan inklusif dan pembangunan modal insan wanita Malaysia. *Jurnal Pendidikan Negara*. 19(3). 88–102.
- Zainal, R., & Ramli, M. (2022). Keusahawanan wanita dalam komuniti FELDA: Kajian kes di Pahang. *Jurnal Komuniti & Pembangunan*. 11(4). 25–39.
- Khairi, A. S. (2025, August 29). Kerajaan negeri perkasa wanita melalui dasar, pelan tindakan wanita Pahang 2022–2026. Pahang Media. <https://pahangmedia.my/archives/48182>.